



BIL 4 / 2001 PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN • JAMADIL AKHIR - REJAB 1422 / OKTOBER - DISEMBER 2001

## MAJLIS UCAPTAMA

## KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK



Setelah genap tiga bulan menerajui Kumpulan PKINK, Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif yang baru telah menyampaikan ucaptama yang pertama pada 16 Rejab 1422 bersamaan 4 Oktober 2001. Majlis ini telah dihadiri oleh Pengurus-Pengurus Bahagian, Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak, Pegawai-Pegawai Kumpulan A dan B.

Ucaptama Ketua Eksekutif ini telah mengimbau kembali tentang matlamat penubuhan dan pelbagai objektif yang perlu dicapai – telah menyarankan agar seluruh warga kerja Kumpulan PKINK sentiasa reda dan bersedia untuk mengerah kudrat dan keringat agar prestasi dan produktiviti dapat dipertingkatkan ke tahap optima dan ekonomik. Syarikat-syarikat dalam kumpulan yang prestasinya agak lembap telah disarankan supaya mengambil langkah-langkah drastik dan efektif demi memperbaiki keadaan. Saranan ini sememangnya perlu diberi perhatian dan diambil tindakan segera oleh pihak pengurusan syarikat-syarikat terbabit kerana ianya mendatangkan kesan secara langsung bagi segala bentuk usaha dan ikhtiar yang menjurus kepada pembentukan dan penonjolkan imej PKINK kepada umum. Selain daripada itu, perlu juga disedari bahawa kegagalan mana-mana syarikat dalam kumpulan untuk menjanakan pulangan yang sewajarnya telah mengakibatkan mereka terlalu bergantung kepada sumber pembiayaan luar terutamanya dari PKINK sebagai agensi induk.

Pada majlis tersebut, bukan hanya syarikat-syarikat anak sahaja yang menerima teguran dan saranan malahan setiap bahagian di ibu pejabat juga turut disentuh. Setiap bahagian perlu melipatgandakan usaha agar segala bentuk program dapat digerakkan serentak dan bersepada. Saranan ini sememangnya amat bersesuaian dengan tugas dan matlamat penubuhan setiap bahagian di PKINK terutamanya dalam konteks menentukan arahjuju PKINK masakini dan akan datang. Pengurus-Pengurus Bahagian yang mengepalai bahagian masing-masing hendaklah bersifat pro-aktif terutamanya dalam mengatur segala program dan strategi serta menterjemahkannya kepada sebuah realiti yang sudah tentu amat berharga kepada PKINK sebagai sebuah agensi pembangunan ekonomi negeri. Intipati kepada ucaptama Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK pada kali ini ialah misi PKINK dalam menghadapi baki tahun 2001 dan menghadapi cabaran tahun 2002.

BERSAMBUNG DI MUKA 3

# PESANAN KORPORAT

Tanpa disedari, masa berlalu begitu pantas meninggalkan kita. Jika banyak kebaikan yang telah dilakukan maka beruntunglah kita jika sebaliknya, rugilah usia, kesihatan dan harta yang telah digunakan. Dan dalam kerugian atau keberuntungan yang telah kita perolehi, kita kini bertemu dengan tahun yang baru. Tahun yang sudah tentunya meningkatkan usia kita, bakal mendepani kita dengan pelbagai masalah dan seterusnya menguji kematangan akalan kita.

Selaras dengan peningkatan usia dan kematangan akalan, kita sebagai anggota kerajaan sewajarnya mempunyai misi untuk membangunkan ummah. Misi ini bukan sekadar pembangunan kebendaan semata-mata tetapi ianya juga menjurus kepada pembangunan ekonomi dan keimanan yang seterusnya melahirkan anggota yang berbudi mulia.

Kemuliaan budi ini bukan boleh dibuat-buat. Ianya adalah pembentukan peribadi yang antara lain hasil cernaan daripada keikhlasan kerja kepada Allah S.W.T. Menyentuh mengenai keikhlasan ini, suka diingatkan kembali ucapan YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar kepada anggota-anggota kerajaan suatu ketika dahulu, menurut beliau anggota kerajaan mempunyai semangat makan gaji, iaitu suka makan gaji, suka terima gaji tetapi tidak bersemangat menyemak balik kerja. Menurut beliau lagi, sedikit atau banyak ukuran gaji yang diterima itu tidak akan berguna sekiranya tidak disusuli dengan keikhlasan kepada Allah S.W.T.

Pokoknya, di sini ialah bekerja makan gaji adalah amanah kepada Kerajaan Negeri dan menunaikan amanah pula adalah 'Kerja makan gaji secara kontrak' kepada Allah S.W.T. Semoga kita dapat melaksanakan amanah ini sebagai bekalan di Mahsyar nanti.

Wassalam.

# SIDANG EDITOR

## PENAUNG

Tn. Hj. Hanifa Ahmad

## KETUA EDITOR

Tn. Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

## EDITOR

Tn. Hj. Baharuddin Harun

## PEN. EDITOR

En. Mohd Adilan Mat Jusoh

Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

Pn. Teh Mariam Mohamed

En. Wan Azizan Wan Yaakub

YM. Tengku Petra Tengku Wook

En. Mohd Ramli Hj. Hamzah

## JURUFOTO

En. Mohd Ghazali Mahmood



## BERITA KUMPULAN PKINK DITERBITKAN OLEH :



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan  
Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani -  
Peti Surat 142, 15710 Kota Bharu.

## DICETAK & REKABENTUK OLEH :

DIAN DARULNAIM SDN. BHD.  
5319-A, Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang  
15200 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.  
Tel • 609 - 7443510, 609 - 7448493  
Faks • 609 - 7487619

# MAJLIS UCAPTAMA KETUA EKSEKUTIF PKINK

## MISI PKINK DARI SUDUT DALAMAN IALAH:-

1. Membina imej kumpulan sebagai badan korporat terunggul di Kelantan dan Malaysia.
2. Mengukuhkan kedudukan kewangan dan melaksanakan projek-projek yang mampu memberi pulangan yang tinggi.
3. Berhemat dan cermat untuk menambah pelaburan dalam syarikat-syarikat anak yang sedia ada.
4. Membudayakan sifat kerja pro-aktif oleh Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK dan Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak dengan melipatgandakan usaha dan komitmen yang tinggi.
5. Membentuk sebuah kumpulan yang tidak terasing yakni tiada dinding pemisah antara PKINK dan syarikat-syarikat dalam kumpulan malahan sentiasa berusaha memupuk semangat 'Esprit De Corps', Kesatuan Matlamat, Kesatuan Fikrah serta mengikis rasa prejudis antara satu sama lain.
6. Menghapus perasaan negatif terhadap kumpulan sendiri sebaliknya perlu merubah fikiran 'Paradigm Shift' daripada negatif kepada positif. Bersyukur dan berbanggalah kerana berpeluang menjadi sebahagian daripada anggota kumpulan.
7. Mempamirkan personaliti yang kemas dan dinamik walau di mana jua seiring hasrat mendapatkan perhatian dan penghormatan masyarakat.
8. Melipatgandakan usaha-usaha pemulihian prestasi syarikat-syarikat anak yang menjadi tumpuan.
9. Berazam melaksanakan projek-projek yang telah dirancang mengikut business plan yang telah disediakan.
10. Syarikat-syarikat anak hendaklah memperuntukan sumber kewangan yang menasabah untuk membayar balik pinjaman kepada PKINK sama ada dalam bentuk pinjaman, pendahuluan atau dividen.

## MISI PKINK DARI SUDUT LUARAN PULA IALAH:-

1. Mempraktikkan PR yang baik dan berusaha merapatkan diri dengan Pegawai-pejawat Kerajaan yang lain sama ada pegawai negeri atau persekutuan.
2. Berusaha merapatkan diri dengan pembuat dasar (Political Masters) untuk mempermudahkan perlaksanaan perancangan yang diatur.
3. Merancang lebih banyak kerja-kerja amal dan berinteraksi dengan orang awam.
4. Menyumbang bantuan kewangan yang terancang dan menasabah kepada pihak yang memerlukan.

Akhirnya seluruh warga kerja Kumpulan PKINK amat berterima kasih dengan ucaptama tersebut dan berharap agar ianya diadakan lagi pada masa mendatang. Sesungguhnya ia merupakan medan bagi perkongsian pandangan serta idea yang menentukan arah tuju PKINK kelak.



# PEMBANGUNAN PROJEK DI KELANTAN

## PEMBANGUNAN SEMULA SEKSYEN 6 & 9, KOTA BHARU

Pada 26 November 2001, PKINK telah mencatat satu lagi peristiwa dalam usahanya membangunkan Bandar Kota Bharu. Bertepat di Bilik Mesyuarat Pejabat YAB Dato' Menteri Besar Kelantan, telah diadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan Semula Seksyen 6 & 9, Bandar Kota Bharu di antara PKINK dan Finconsult (M) Sdn. Bhd.

Tanah seluas 2,8805 ekar ini akan dibangunkan sebagai tempat kediaman bertaraf sederhana sebanyak satu blok yang merangkumi 256 unit dan dua blok kediaman bertaraf sederhana rendah sebanyak 260 unit setiap satu. Turut dibangunkan ialah pusat perniagaan komersial berupa kompleks membeli belah dan 'food court' 4 tingkat seluas 350,000 kaki persegi.



## PROJEK USAHASAMA LADANG HUTAN

Perjanjian usahasama di antara PKINK dan YUNG SHIN Sdn. Bhd, adalah bagi mengusahakan Projek Ladang Hutan di Tanah Merah dan Jeli seluas 5,000 ekar sebagai projek percubaan.



## JUALAN TANAH TAPAK PROJEK

Majlis menandatangani Perjanjian Jualbeli Tanah di Mukim Panchor, Daerah Kemutuin, Kota Bharu telah disempurnakan di antara PKINK dan Strata Indah Corporation Sdn. Bhd. Tanah tersebut akan dibangunkan oleh Strata Indah sebagai Projek Penumbuhan Kakitangan Jabatan Penjara Malaysia.





Mendekatkan diri kepada perkara-perkara yang boleh meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah S.W.T. adalah amalan yang amat dituntut oleh Islam. Maka Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dengan kerjasama Biro Kebajikan KSK PKINK sekali lagi bergabung tenaga menganjurkan program kerohanian Kumpulan PKINK iaitu Ceramah Agama: Menghayati Isra' dan Miraj yang disampaikan oleh Ustaz Saibon dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK serta Sembahyang Hajat & Qiyamullail 2 Kumpulan PKINK di Hotel Perdana, Kota Bharu yang dipimpin oleh Ustaz Mohd Puad Abdul Wahab dari Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu yang turut dihadiri oleh YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-Ahli Lembaga Hotel Perdana Sdn. Bhd dan Pengurusan PKINK.

# SEKITAR PROGRAM IHYA RAMADHAN ANGGOTA PKINK


Program Ihya Ramadhan Anggota PKINK telah diteruskan tradisinya pada sepanjang bulan Ramadhan 1423 lalu. Ianya telah dimulakan pada akhir Syaaban lalu dengan satu ceramah khas iaitu Persediaan Menghadapi Ramadhan yang disampaikan oleh Ustaz Mohd. Nasir dari Yayasan Islam Kelantan.

Pada sepanjang bulan Ramadhan, beberapa program ini telah diadakan seperti alunan zikir Asma' Ul-Husna pada setiap pagi, Solat Dhuha secara berjemaah, tadarus dan tafsir Al-Quran yang dipimpin oleh Ustaz-ustaz dari Maahad Tahfiz, Repek, Pasir Mas, Majlis Berbuka Puasa Ahli Lembaga Bersama Anggota PKINK di Perdana Resort dan sumbangan berbuka puasa untuk pelajar dan ibu bapa Sekolah Rakyat Al-Husna, Pantai Mek Mas, Kuala Besar.


Selain program di atas, PKINK turut memberi sumbangan derma untuk semua anggota PKINK dan tidak lupa juga sumbangan derma untuk keluarga-keluarga miskin yang terpilih serta bekas-bekas anggota PKINK yang tidak berkemampuan. Hotel Perdana turut menjayakan Program Ihya Ramadhan ini dengan meraikan sekumpulan anak yatim dari sekitar Kota Bharu, Tumpat, Bachok dan Pasir Mas serta keluarga Abdul Illah yang terlibat dalam kebakaran pada 4 Disember 2001 lalu. Mereka diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa pada 20 Ramadhan 1422 (6 Disember 2001).


Majlis ini merupakan salah satu daripada program khidmat masyarakat yang secara langsung memupuk rasa prihatin pihak pengurusan dan anggota hotel terhadap golongan yang kurang bermasib baik. Hadir untuk turut meraikan mereka ialah YBrs Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Timbalan-Timbalan Ketua Eksekutif, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurus-Pengurus Besar syarikat anak.

Pada majlis ini, anak-anak yatim yang diraikan telah diberikan duit raya, kek dan biskut yang disumbangkan oleh warga Perdana. Pihak The Store Kota Bharu pula telah menyumbangkan baucer tunai bernilai RM 30 seorang.



# P K I N K





## LAWATAN YAM. TENGKU TEMENGGONG KE KAWASAN PERTANIAN TANAH TINGGI LOJING

Yang Amat Mulia Tengku Temenggong Kelantan telah berkenan membuat lawatan ke beberapa projek pertanian di Kawasan Tanah Tinggi Lojing pada 25-26 September lalu. Sempena dengan lawatan itu, YAM Tengku Temenggong telah meninjau ke Kawasan Projek Tanaman Limau Madu yang lebih dikenali sebagai Projek Ladang Rakyat Dataran Rabuah Lojing 1 yang dibangunkan oleh DAMAI Sdn. Bhd., salah sebuah syarikat dalam Kumpulan PKINK.

Turut bersama dalam rombongan Di Raja itu ialah beberapa orang Pegawai Kanan Kerajaan Negeri iaitu Dato' Pengarah UPEN, Pengarah PTG, Ketua Jajahan Gua Musang dan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK.

Ketika berada di kawasan projek DAMAI, YAM Tengku Temenggong juga telah dibawa meninjau Ladang Limau Madu LRDR Lojing 1 secara lebih dekat. Dari pertanyaan dan komen yang dikemukakan jelas menunjukkan bahawa YAM Tengku Temenggong berharap supaya projek ini dapat dijadikan sebagai salah satu projek yang dapat menyumbang kepada peningkatan aktiviti-aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing.





## MAJLIS JAMUAN HARI RAYA BERSAMA KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Setelah sebulan berpuasa dan melewati Syawal yang kehangatan dan kemeriahannya masih terasa, 'Majlis Jamuan Hari Raya Bersama Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK' telah diadakan pada hari Khamis 12 Syawal 1422 bersamaan 27 Disember 2001.

Bertujuan untuk mencari kelainan berbanding dengan majlis seumpamanya yang pernah diadakan di hotel, majlis pada kali ini telah diadakan di Ruang Legar, Tingkat 2, Bangunan PKINK. Bagi mencipta 'Mood' raya, ruang tersebut telah dihiasi seceria mungkin. Dengan tujuan yang sama, anggota-anggota Kumpulan PKINK yang menghadiri majlis tersebut telah diberi kelongan untuk tidak memakai pakaian seragam batek sebaliknya berbaju Melayu untuk anggota lelaki dan berbaju raya untuk anggota wanita.

Selain dari menikmati pelbagai juadah yang dihidangkan, anggota-anggota Kumpulan PKINK dan tetamu undangan telah mengambil kesempatan untuk meramah mesra, bertanya khabar dan bermaaf-maafan di antara satu sama lain. Isteri kepada YABrs. Ketua Eksekutif Kumpulan yang turut hadir menyerikan majlis telah sudi menyampaikan duit raya kepada anak-anak anggota. Biarpun tiada sebarang persembahan, majlis ini yang dihadiri oleh pengurusan kanan, anggota-anggota dan para jemputan, telah berlangsung dalam suasana kekeluargaan yang amat harmoni dan meriah.



## AR-RAHN BUKA CAWANGAN DI RANTAU PANJANG

Pusat Gaduhan Islam Ar-Rahn yang diluruskendalikan oleh Permodian Kelantan Berhad (PKB) telah membuka cawangan baru di Rantau Panjang. Cawangan baru ini menggunakan cawangan yang kelima selepas dua cawangan di Kota Bharu dan masing-masing satu di Pait Putih dan Tanah Merah.

Pengerusi Eksekutifnya, Haji Abdul Aziz Nawi berkata setakat ini lebih 480,000 penduduk telah memikerti kerusahan dan berubah daripada Ar-Rahn yang bersesasi di lima cawangannya termasuk Rantau Panjang. Beliau berkata demikian semasa berucap di Majlis Perasmian Pusat Gaduhan Islam Ar-Rahn Cawangan Rantau Panjang yang disempurnakan oleh YAB, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada 28 Rajab 1422 bersamaan 16 Oktober 2001.

YAB Dato' Menteri Besar berkata haluanur pejabat cawangan Rantau Panjang agak kecil berbanding dengan cawangan-cawangan lain namun beliau amat yakin ia itu dapat menepati ciriaria dan memenuhi keperluan masyarakat seumpam dalam konteks membantu mereka yang memerlukan modal pusingan untuk berasusila. Remandangkan rancangan pelajaran kecil yang terdapat di

sin dan memerlukan modal, pihak korporat bergerak dalam bahawa pembukaan cawangan di sini amatlah selesa, ujarnya.

Beliau mengutari lagi bahawa Ar-Rahn dibubuhkan bagi merentaskan pentadbiran kerajaan negeri yang berbaskan Islam. Katanya, PKB sebuah agensi yang bertanggungjawab menjalankan ekonomi negeri secara langsung turut sama mendidungkan negeri Kelantan mengikut syariat Islam.

PKB telah terpanggil dan merasa bertanggungjawab untuk memaksimumkan dasar-dasar Islam melalui projek-projeknya seperti Ar-Rahn, Rumah Amran dan Pusat Rawatan Islam An-Nisa.

PKB ingin bertambah dalam ekonomi dengan peraksamaan projek-projek yang boleh memuzakkirkan masyarakat dari terus terabit dengan amalan riba.

Majlis kali ini turut dihadiri oleh ADUM Dual Period, Ustaz Abdullah Abd Razak, wakil Pentadbiran Wilayah Norzhivat En. Nik Yusoff Megat, Pengawal PKB Tuan Hj. Ramli Rusu dan ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.



16.10.01



## CATATAN DIARI KUMPULAN

### 15 OKTOBER 2001 - LAWATAN MAHABBAH

Rombongan Pemuda dan Muslimat PAS Negeri Kelantan telah diberi taklimat mengenai aktiviti Perbadanan dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan. Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan, Haji Hanifa bin Ahmad.



### 24 OKTOBER 2001 - LAWATAN MB KE TOK BALI



YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan telah membuat lawatan ke Tok Bali bagi meninjau perkembangan kawasan tersebut.



### 3 NOVEMBER 2001 - CERAMAH MOTIVASI DAN KECEMERLANGAN PELAJAR

Anak-anak anggota PKINK yang bakal menghadapi peperiksaan Peringkat Menengah telah mengikuti ceramah Motivasi dan Kecemerlangan Pelajar anjuran Bahagian PSM dengan kerjasama PTKB Consultants Sdn. Bhd.



#### 4 NOVEMBER 2001 - LAWATAN SEDCO



Seramai 25 orang pegawai dari Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) telah membuat lawatan sambil belajar ke Perbadanan.



#### 10 NOVEMBER 2001 - KURSUS PENGARAH-PENGARAH SYARIKAT

Kursus Pengarah-Pengarah Syarikat anjuran UB Consult, sebuah syarikat anak milik PKINK telah diadakan di Perdana Resort.



#### 30 DISEMBER 2001 - MAJLIS PENUTUP KPI

Usaha kearah melahirkan tenaga kerja yang berkualiti bagi memenuhi keperluan Perbadanan telah dijalankan melalui Program Kurikulum Pembangunan Insan (KPI) yang dihadiri oleh semua anggota Kumpulan Perbadanan. Program kedua untuk kumpulan sokongan telah dijalankan selama 5 bulan.



#### 27 DISEMBER 2001 - MBO KELOIL

Sekumpulan Pengurusan yang terdiri daripada En. Wan Zulkifle b. Wan Yusoff, En. Zabri b. Zainal Abidin, En. Radzi b. Hj. Zakaria dan En. Mohd Nor b. Jusoh @ Yusof telah mengambil alih 100% saham Keloil Sdn. Bhd. daripada PKINK pada 27 Disember 2001. Majlis menandatangani perjanjian MBO KELOIL On Sale Shares ini telah disaksikan oleh YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar Kelantan di ibu pejabat KELOIL di Kota Bharu.





### HAWKER PROMOTION

Date : 1 Mac - 31 Mac 2002  
 Time : 6.00 pm - 10.00 pm  
 Price : From RM 10.00 nett / person



### NASI KANDAR

Date : 1 - 31 Mac 2002  
 Time : Lunch & Dinner  
 Price : Buffet > RM 26.00 nett / person  
 Venue : Cerana Coffee House

### THURSDAY & FRIDAY NITE BBQ

Date : 1 Mac - 31 Mac 2002  
 Time : 7.00 pm - 10.00 pm  
 Price : From RM 25.00 nett / person  
 Venue : Senangin Terrace  
          (Weather Permit)

### STEAMBOAT

Date : 1 - 31 Mac 2002  
 Time : Dinner  
 Price : From RM 15.00 nett / person  
          (minimum 2 person)  
 Venue : Golden Jade Restaurant

### HAWKER PROMOTION

Date : 1 Mac - 31 Mac 2002  
 Time : 11.00 am - 11.00 pm  
 Price : From RM 5.00 nett / person  
 Venue : Senangin Restaurant &  
          Terrace

### CITARASA BELUT

Date : 1 - 31 Mac 2002  
 Time : 6.30 pm - 1.00 am  
 Price : From RM 5.00 nett / person  
 Venue : Pak Mud Cafe